

TAHAP KESEDARAN PEKERJA TERHADAP PENGUASAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM URUSAN PEKERJAAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI SIBU, SARAWAK.

Nur Mastika Susanti Binti Abdul Rahman¹²

Borhan Abdullah¹

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah

²bb17110430@student.ums.edu.my

1.0 PENGENALAN

ICT (*Information and Communication Technology*) merupakan satu aspek teknologi maklumat dan teknologi komunikasi. ICT merupakan istilah umum untuk pelbagai set teknologi yang membolehkan pengguna untuk membuat, mengakses, menyebarkan, menyimpan, mengurus dan menyampaikan maklumat dalam format digital. Menurut Normazaini Saleh (2017), ICT juga merangkumi perkakasan komputer dan aplikasi perisian, merangkumi telefon bimbit, computer, perkakasan rangkaian, internet, sistem telekomunikasi dan sebagainya serta pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dan aplikasi.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia akibat daripada krisis COVID-19 telah menunjukkan penggunaan ICT semakin meningkat dalam kalangan rakyat terutamanya organisasi yang digalakkan untuk bekerja dari rumah melalui atas talian. Kebanyakan sektor-sektor ekonomi tertentu yang tidak dibenarkan beroperasi menggunakan perantaraan ICT dalam urusan kerja. Kemajuan teknologi ini secara tidak langsung telah mempengaruhi perubahan dalam sistem kerja dan tugas. Tugas dalam format baharu iaitu melibatkan penggunaan ICT yang tidak biasa dilaksanakan sebelum ini berpotensi akan diberikan oleh majikan sebagai inisiatif untuk sektor tersebut mengekalkan kelestarian organisasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

Bekerja dari rumah dalam tempoh pelaksanaan PKP ini secara tidak langsung membuka mata pekerja supaya meningkatkan penguasaan ICT lebih-lebih lagi bagi memudahkan urusan kerja. Kewujudan norma baru ini memberi pengalaman yang berbeza kepada setiap pekerja. Mereka akan lebih terdedah dengan penggunaan ICT dan menjadikan situasi yang dihadapi semasa ancaman krisis ini sebagai persediaan untuk sesuatu yang tidak dijangka pada masa akan datang. Kepentingan memberi pendedahan kepada ICT kepada pekerja dalam sesebuah organisasi perlu dilakukan kerana dengan ketiadaan perubahan dalam teknologi yang digunakan, akan mempengaruhi produktiviti dan menyebabkan ketidakupayaan untuk bersaing dalam pasaran.

Dalam norma baru ini, sudah pasti akan wujudnya cabaran untuk meningkatkan penguasaan ICT itu sendiri. Cabaran ini perlulah dilihat daripada pelbagai perspektif bagi mengatasi halangan yang dihadapi. Organisasi perlu mempunyai strategi dalam penggunaan ICT dan membantu pekerja memahami cara penggunaan sistem baru tersebut supaya dapat meningkatkan produktiviti, kualiti dan perkhidmatan dalam tugas mereka.

2.0 KAJIAN LEPAS

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah membuat beberapa kajian literatur untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Beberapa kajian berkenaan penggunaan ICT telah dijalankan sebelum ini. Namun, kebanyakannya kajian difokuskan kepada bidang pendidikan dan kajian mengenai kesedaran penguasaan ICT dalam kalangan pekerja industri lain sukar untuk diperolehi. Namun, pengkaji akan cuba untuk mengimplementasikan serta mengaplikasikan kajian tersebut dalam situasi yang bersesuaian untuk konteks kajian ini.


Berdasarkan kajian lepas oleh Nor Shah bin Mohamed yang bertajuk “Mengadaptasi Penguasaan Maklumat Kepada Anggota Perkhidmatan Awam dalam Pembangunan K-Ekonomi Berasaskan Maklumat”, penulis menjelaskan konsep K-ekonomi yang merujuk kepada ekonomi berasaskan pengetahuan yang didasari oleh pengurusan maklumat menerusi penggunaan ICT beserta dengan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkeupayaan dalam penghasilan maklumat, pemprosesan maklumat dan penyebaran maklumat untuk kepentingan produk dan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan. Kajian ini memfokuskan pengadaptasian keupayaan menguasai bidang maklumat dalam diri anggota perkhidmatan awam seiring dengan perkembangan ICT. Dalam kajian ini juga, penulis menjelaskan K-Pekerja merupakan pemangkin kepada pembangunan sistem K- Ekonomi. Penulis juga menjelaskan bahawa K-Pekerja merupakan pekerja yang berkemampuan mengadaptasikan diri dengan kemajuan teknologi terkini dan bersedia untuk menerima perubahan baru yang menuntut pekerja lebih inovatif, kreatif dan bernilai tambah.

Selain itu, kajian lepas yang bertajuk “Kemahiran dan Teknologi dalam Menghasilkan Sumber Manusia yang Mampu Meningkatkan Mutu Kerja dan Produktiviti” oleh Akmal Nor Wajihah menjelaskan IT merupakan pemangkin kepada perubahan dalam organisasi dan secara langsung memberi kesan kepada pekerja untuk meningkatkan produktiviti. Malah, penulis juga percaya pengaplikasian IT juga akan mengubah dasar-dasar dan strategi organisasi untuk keseimbangan sistem pekerjaan yang sesuai dengan masa kini supaya dapat bersaing dengan organisasi lain. Namun, penggunaan IT hendaklah bersesuaian dengan jenis pekerjaan dan jawatan pekerja yang bertujuan memudahkan pelaksanaan tugas kerja yang akhirnya mampu untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja (Abdullah, B., Theodossiou, I., & Zangelidis, A., 2020 & B Sareya, K Mansur, R Mahmud, 2015).

Kajian lepas mengenai cabaran yang dihadapi dalam meningkatkan penguasaan ICT dapat dilihat melalui kajian oleh Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid iaitu “ Keupayaan ICT dalam Meningkatkan Pencapaian Usahawan Wanita: Satu Kajian Kes Usahawan Luar Bandar di Malaysia”. Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi masyarakat luar bandar dari segi penggunaan ICT yang terdiri daripada enam faktor utama iaitu organisasi, teknikal, kewangan, sosial, peraturan dan individu. Bagi faktor organisasi melibatkan kekurangan minat dan kurang kepakaran dalam penggunaan ICT, kebimbangan risiko menggunakan ICT dan kualiti perkhidmatan yang rendah disediakan oleh pusat perkhidmatan. Selain itu, bagi faktor teknikal ialah kekurangan infrastruktur, sistem komunikasi yang lemah (Borhan Abdullah, 2019) dan kurang kepakaran dalam bidang ICT. Manakala, faktor kewangan pula ialah kos tinggi terutamanya kos perbelanjaan menaik taraf sistem. Bagi cabaran sosial pula ialah takut kepada teknologi dan untuk faktor individu melibatkan tahap kemahiran pengetahuan ICT yang rendah, kurang kepakaran dalam mengendalikan peralatan ICT dan pemikiran yang jumud terhadap kelebihan ICT.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan persepsi terhadap pekerja awam dan swasta di bandar Sibu, Sarawak berkenaan kesedaran mereka terhadap penguasaan ICT terutamanya lanjutan daripada pelaksanaan PKP. Persepsi yang dikaji adalah melihat kepada aspek pengetahuan, pendapat, kefahaman, penerimaan dan kesedaran responden terhadap objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif di mana data diukur menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada 60 orang responden.



Rajah 1 : Kerangka Kajian

Seterusnya, hasil dapatan kajian dihuraikan dengan kaedah kajian deskriptif. Data yang diperolehi daripada 60 responden akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0*. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan oleh pengkaji adalah kekerapan, peratusan dan min. Seterusnya, dipersembahkan dalam bentuk graf dan juga jadual.

Bagi analisis Bahagian A iaitu berkaitan maklumat demografi responden, pengkaji akan mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan rajah. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data dengan menggunakan kekerapan dan peratusan. Manakala, bagi Bahagian B dan C, pengkaji mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan data diolah dengan menggunakan jumlah kekerapan, peratusan dan min. Dalam kedua-dua bahagian ini, pengkaji menganalisis maklum balas responden dengan menggunakan tafsiran tahap berdasarkan min. Berikut adalah tafsiran tahap berdasarkan min yang digunakan oleh pengkaji:

Jadual 1: Tafsiran Tahap Berdasarkan Min

Julat Min	Tahap
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

4.0 DAPATAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti sejauh manakah tahap kesedaran pekerja terhadap penggunaan ICT dalam urusan pekerjaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Sibu, Sarawak dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi pekerja dalam meningkatkan penguasaan ICT. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi pernyataan yang diberikan untuk mengkaji tahap kesedaran pekerja terhadap penguasaan ICT adalah pada tahap yang tinggi iaitu 4.30. Analisis menunjukkan responden menunjukkan persepsi yang positif terhadap penggunaan ICT dalam urusan pekerjaan. Hal ini menunjukkan responden menerima penggunaan ICT dalam urusan pekerjaan dengan baik. Malah, responden juga sedar bahawa penggunaan ICT mempunyai banyak kelebihan dan mereka sentiasa bersedia untuk menggunakan ICT dalam urusan pekerjaan mereka.

Selain itu, analisis mendapati golongan pekerja sentiasa mempelajari cara penggunaan ICT yang betul dan sentiasa mengikuti perkembangan ICT. Hal ini menunjukkan, golongan pekerja sedar akan kepentingan menguasai ICT dengan sentiasa mempelajari dan mengikuti perkembangan ICT yang terkini. Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan tempat kerja responden telah mengambil inisiatif dengan menyediakan latihan untuk meningkatkan penguasaan ICT pekerja dalam organisasi. Seterusnya, pengkaji juga mendapati kebanyakan pekerja sentiasa terdedah dengan penggunaan ICT terutamanya dalam urusan pekerjaan. Hal ini yang menyebabkan mereka sedar akan kepentingan menguasai ICT. Malah, lanjutan daripada tempoh PKP, kebanyakan pekerja mempelajari kemudahan ICT yang baru dan sedar bahawa mereka akan ketinggalan sekiranya tidak menggunakan ICT. Kajian ini juga membuktikan bahawa golongan pekerja sedar bahawa penggunaan ICT sangat membantu dalam urusan pekerjaan mereka terutamanya semasa tempoh pelaksanaan PKP. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan daripada golongan pekerja mahir menggunakan ICT dan merasa rugi sekiranya mereka tidak menguasai ICT.

Bagi objektif kedua iaitu mengenal pasti cabaran yang dihadapi pekerja dalam meningkatkan penguasaan ICT, hasil analisis kajian menunjukkan min keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana iaitu 2.78. Antara cabaran yang dihadapi oleh pekerja dalam meningkatkan penguasaan ICT adalah capaian internet yang rendah di tempat mereka mengganggu urusan kerja dan secara tidak langsung turut memberi peluang yang rendah untuk pekerja meningkatkan penguasaan ICT. Selain itu, kekurangan prasarana dan bahan sokongan di tempat pekerja turut menjadi cabaran bagi mereka untuk meningkatkan penguasaan ICT. Kekurangan prasarana dan bahan sokongan untuk menggunakan ICT menyebabkan pekerja tidak terdedah dengan perkembangan ICT terkini serta memberi kesan kepada tahap penguasaan mereka menggunakan ICT. Pengkaji juga mendapati, responden bersetuju bahawa sumber kewangan yang tidak mencukupi menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang untuk meningkatkan penguasaan ICT. Hal ini disebabkan oleh, sumber kewangan amatlah penting bagi membolehkan pekerja memiliki peralatan ICT dan membantu mereka untuk lebih mengenali peralatan ICT yang terkini.

Kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa cabaran yang turut memberi kesan kepada pekerja untuk meningkatkan penguasaan ICT namun masih pada tahap yang rendah dan sederhana. Antaranya, adalah cabaran kepada pekerja untuk memahami penggunaan ICT sehingga menyebabkan mereka kurang gemar untuk menggunakannya. Cabaran ini tidak memberi impak besar bagi pekerja kerana kebanyakan daripada mereka mudah untuk memahami penggunaan ICT kerana biasa menggunakannya. Selain itu, cabaran yang berpotensi menyebabkan pekerja tidak dapat meningkatkan penguasaan ICT adalah tempat kerja yang tidak menyediakan latihan untuk meningkatkan penguasaan ICT terutamanya dalam urusan pekerjaan. Abad ini, pengaplikasian ICT dalam urusan kerja adalah perlu bagi membolehkan organisasi tersebut untuk terus bersaing. Namun, sekiranya organisasi tersebut tidak menyediakan latihan untuk meningkatkan penguasaan ICT dalam kalangan pekerja, pekerja berpotensi akan menghadapi masalah untuk menjalankan tugas dengan menggunakan peralatan ICT yang baru bagi mereka.

Seterusnya, cabaran yang dikenal pasti namun pada tahap yang rendah dan sederhana adalah pekerja beranggapan penggunaan ICT susah untuk dipelajari. Namun kebanyakan responden tidak setuju dan ini menunjukkan mereka beranggapan mempelajari penggunaan ICT bukanlah sesuatu yang amat sukar untuk dilakukan. Selain itu, terdapat responden yang bersetuju bahawa kurang keyakinan untuk menggunakan ICT dan terdapat rakan kerja mereka yang tidak menerima penggunaan ICT menjadi cabaran bagi mereka untuk meningkatkan penguasaan ICT. Namun, cabaran ini hanyalah pada tahap rendah.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan tahap kesedaran pekerja di Sibu, Sarawak terhadap penguasaan ICT menunjukkan pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Ini menjelaskan bahawa kebanyakan pekerja di tempat kajian mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menguasai penggunaan ICT yang merupakan salah satu perkara wajib pada abad ini. Tambahan pula, atas desakan krisis COVID-19 yang melanda baru-baru ini, urusan atas talian menjadi satu alternatif yang dilaksanakan oleh kebanyakan organisasi.

Selain itu, pengkaji juga mendapati terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pekerja untuk meningkatkan penguasaan ICT walaupun secara keseluruhannya masih pada tahap sederhana. Namun, masih terdapat cabaran yang menjadi cabaran yang tinggi bagi pekerja dan perkara ini perlu diatasi.

Antara perkara yang boleh dilakukan bagi mengatasi cabaran ini adalah dengan menyediakan kursus dan latihan berkaitan penggunaan ICT, membina infrastruktur ICT yang efektif dan memberi sokongan serta galakan. Cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh pengkaji diharapkan dapat membantu pengkaji akan datang untuk membuat penambahbaikan supaya semakin ramai pekerja sedar dan dapat meningkatkan penguasaan ICT dalam diri mereka untuk masa depan yang lebih baik. Pengkaji berharap, pengkaji pada masa akan datang mampu mengenal pasti lebih banyak cabaran yang dihadapi oleh pekerja untuk menguasai ICT supaya cara penyelesaian untuk mengatasinya turut dapat dikenal pasti.

RUJUKAN

- Abdullah, B., Theodossiou, I., & Zangelidis, A. (2020). Native-immigrant Wage Differentials in Malaysia. *Journal of Population and Social Studies*, 28(3), 232-249. <https://doi.org/10.25133/JPSSv28n3.016>
- Akmal Nor Wajihah Ahmad. (2018). Kemahiran Dan Teknologi Dalam Menghasilkan Sumber Manusia Yang Mampu Meningkatkan Mutu Kerja Dan Produktiviti. *Trends in*

Undergraduate Research : 45-49.

- Azhar harun dan Nawi Abdullah. (2004), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, Malaysia: Thomson Learning, h.82
- B Sareya, K Mansur, R Mahmud (2015), *Immigration and Employment Rate: A Case Study in Oil Palm Sabah Plantation Sector*, *Malaysian Journal of Business and Economics (MJBE)*, 2015.
- Borhan Abdullah,(2019). *The Educational Mismatch of Native and Immigrant Workers in Malaysia*. *SSRG International Journal of Economics and Management Studies* 6(9), 102-108.
- Hazman Ali & Christina Andin. (2009). *Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (COVID-19) : Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia*. Malaysia: Kolej Komuniti Bentong.
- Nor Shah Mohamed. (2002). *Mengadaptasi Penguasaan Maklumat Kepada Anggota Perkhidmatan Awam dalam Pembangunan K-Ekonomi Berasaskan Maklumat. Pengurusan Awam Penerbitan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*. 1(2): 74-95.
- Nur Syuhadah Nachar Aminsah. (2015). *Keberkesanan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)*. Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Siti Masayu Rosliah Rashid. (2016). *Keupayaan ICT dalam Meningkatkan Pencapaian Usahawan Wanita: Satu Kajian Kes Usahawan Luar Bandar di Malaysia*. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 11(2): 78-103.